

PENULISAN JURNAL

Minggu Praktikum : 2

Tarikh : 12 Julai 2021 – 16 Julai 2021

Tajuk Jurnal : Persediaan Sebelum Kelas PdPR Bermula

1.0 ISU YANG DIFOKUSKAN

Minggu ini merupakan minggu pertama saya menjalankan pengajaran dan pembelajaran mengikut jadual pengajaran yang telah ditetapkan. Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) dijalankan secara tidak segerak menggunakan platform *Whatsapp* atau *Telegram*. Maka, saya perlu membuat persediaan sebelum kelas bermula dari segi perancangan, penyediaan bahan pengajaran dan video pengajaran. Oleh kerana ini minggu pertama, saya mengalami kesukaran dalam membuat persediaan awal sebelum kelas.

2.0 ANALISIS ISU

Persediaan guru merupakan faktor utama bagi memastikan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Antara sebab saya menghadapi isu ini adalah:

- i. Tiada bahan pengajaran yang sesuai dengan tahap penguasaan semasa murid untuk kelas PdPR
- ii. Pengurusan bahan pengajaran dan sebaran mesej kepada murid dan ibu bapa di dalam group *Whatsapp* dan *Telegram*.
- iii. Penghasilan video pengajaran yang mengambil masa yang lama dari segi proses merekod, mengedit dan menghasikan video.
- iv. Video pengajaran mengambil masa yang lama untuk dimuatnaik ke platform *YouTube*.

3.0 KAJIAN LAMPAU TERHADAP ISU

Penyesuaian diri merupakan proses yang sering dialami dalam kitaran hidup seseorang manusia yang mengalami perubahan persekitaran (Nasruddin et.al, 2011). Hal ini kerana penyesuaian diri dapat mempengaruhi kehidupan harian setiap individu. Oleh itu dapatlah diketahui bahawa proses penyesuaian diri ini sangat penting bagi membantu guru pelatih supaya dapat menerima cabaran era norma baharu ini. Semasa menjalani praktikum, para guru

pelatih perlu sentiasa bersedia serta berusaha dengan gigih dan ikhlas untuk menjadi seorang guru yang berwibawa apabila bertugas nanti. Praktikum harus memberi peluang yang sebaiknya kepada guru pelatih untuk membina kualiti peribadi yang melibatkan pembangunan sikap-sikap positif dan kemahiran-kemahiran profesional.

4.0 CADANGAN UNTUK MEMPERBAIKI

Berdasarkan analisis yang telah dijalankan saya merangka beberapa cadangan dan langkah penambahbaikan:

- i. Merangka dan merancang pengajaran sekurang-kurangnya seminggu lebih. Ini untuk memastikan saya bersedia lebih awal dan memahami topik pengajaran dengan lebih baik.
- ii. Menggunakan aplikasi atau platform seperti *Mylink.la* untuk mengumpul dan menguruskan bahan pengajaran.
- iii. Merancang penghasilan video lebih awal dan memastikan proses merekod dan mengedit video lebih lancar.
- iv. Saya juga akan memuatnaik video pengajaran di YouTube sekurang-kurangnya sehari lebih awal dari kelas PdPR berlangsung.

5.0 TEMPOH MASA

1 minggu

6.0 TINDAKAN SUSULAN

Antara tindakan yang dapat dilaksanakan untuk menyesuaikan diri dengan PdP norma baharu ini ialah saya akan mendapatkan bimbingan daripada guru subjek dan guru pembimbing untuk mendapatkan rujukan dalam menghasilkan video pengajaran. Secara tidak langsung, saya akan mempelajari dan memahami kaedah yang sesuai digunakan untuk menghasilkan video pengajaran hasil daripada bimbingan daripada guru pembimbing dan pensyarah. Saya juga akan mendapatkan maklum balas daripada guru pembimbing dan pensyarah mengenai video pengajaran yang dihasilkan dan membuat penambahbaikan pada pengajaran akan datang.

7.0 KEBERKESANAN LANGKAH YANG DICADANGKAN

Hasil tindakan susulan yang diambil saya dapati pengajaran saya lebih lancar teratur dan bersistematik. Selain itu, kualiti video pengajaran yang dihasilkan lebih baik dan mendapat respons positif daripada ibu bapa, murid dan guru-guru lain.

8.0 KESIMPULAN


Kesimpulannya sebagai seorang bakal guru, saya perlu lebih proaktif dalam membantu murid untuk menguasai objektif pembelajaran serta menyelesaikan masalah yang dihadapi semasa di dalam kelas. Saya juga perlu bersedia untuk beradaptasi dan berubah mengikut situasi dunia pendidikan semasa.

9.0 RUJUKAN

Abdul Hakim Abdullah et. al. (2014). Persepsi Terhadap Pengalaman Praktikum Dalam Kalangan Guru Pelatih Pendidikan Islam Di Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu. Seminar Kebangsaan Majlis Dekan-Dekan Pendidikan IPTA.

Nasruddin Subhi et al. (2011). Penyesuaian Diri dan Cara Gaya Tindak Pelajar Sabah dan Sarawak di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. Jurnal Personalita Pelajar, 14: 69-79.

Tandatangan pelajar,



(SITI NUR AISYA NAJIHA BT MOHD
YUSOF)